



حَبَابُ خَيْرٍ وَالْإِكْرَامُ السَّلَامُ كَثَابَةٌ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

7 MUHARRAM 1444H/ 5 OGOS 2022M

NILAI KEMANUSIAAN & RAHMATAN LIL'ALAMIN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 15. 7. 2022

PEGAWAI PENYEMAK : M. [Signature]

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 18/07/2022

DIBACA PADA : 05/07/2022

DILULUSKAN OLEH : [Signature]

BAHARUDDIN B. KLWI

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
NILAI KEMANUSIAAN & RAHMATAN LIL'ALAMIN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ذَلِكَ

بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾ (التوبة:6)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketaqwaan ke hadrat Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Perlindungan keselamatan manusia merupakan satu keperluan asas dalam syariat Islam; ini termasuklah memberi perlindungan kepada orang-orang yang berhijrah, lebih-lebih lagi kepada golongan pelarian yang menghadapi ancaman keselamatan diri dan nyawa akibat daripada konflik di negara asal mereka. Maka, mimbar ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk “**NILAI KEMANUSIAAN DAN RAHMATAN LIL ‘ALAMIN**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Krisis kemanusiaan yang melanda dunia pada zaman ini dilihat semakin serius. Negara-negara yang bergolak khususnya, berpotensi mencetuskan konflik keganasan yang boleh menjejaskan nilai-nilai kemanusiaan akibat daripada peperangan, rampasan kuasa, penindasan atau penghapusan agama dan etnik sehingga menyebabkan mangsa yang terperangkap dalam konflik tersebut melarikan diri dari negara asalnya untuk mencari suaka atau perlindungan di negara lain.

Islam mengajar kita untuk membantu semua golongan tanpa mengira apa jua agama, keadaan dan status. Firman Allah dalam surah al-Hashr, ayat 9 yang berkait dengan peristiwa hijrah kaum Muhajirin ke Ansar yang diketuai Nabi Muhammad SAW menitikberatkan kewajipan tersebut:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ
حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Bermaksud: “Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah (Muhajirin) ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”

Ayat ini menggambarkan sifat baik golongan Ansar di Madinah terhadap orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, iaitu mengutamakan saudara mereka daripada golongan Muhajirin lebih daripada diri mereka sendiri dengan memberikan bantuan tanpa sebarang hajat dan muslihat. Oleh itu, sesiapa yang datang ke sesebuah tempat atas tujuan untuk mendapatkan perlindungan, maka hendaklah kita berbuat baik serta memberikan perlindungan kepada mereka.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Krisis pelarian merupakan isu antarabangsa yang sentiasa berlaku di negara-negara yang sedang menghadapi peperangan dan lain-lain konflik dalaman. Rakyat dari negara-negara tersebut terpaksa berpindah akibat terdedah daripada ancaman keselamatan di negara asalnya. Contohnya, peperangan dan konflik di Afghanistan, Syria, Sudan Selatan, Yemen, Myanmar dan baru-baru ini di Ukraine telah

menyaksikan rakyat beramai-ramai meninggalkan negara asal mereka untuk mendapatkan perlindungan dari negara lain.

Malaysia turut mendapat tempas akibat konflik yang berlaku di negara lain sehingga menyebabkan rakyat asing melarikan diri ke negara ini untuk menyelamatkan diri dan mendapatkan perlindungan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNCHR), seramai 180,440 pelarian dan pencari suaka berada di Malaysia sehingga 31 Disember 2021. Mereka terdiri dari pelbagai etnik dan warganegara dari Myanmar, Pakistan, Somalia, Syria, Palestin dan lain-lain. Dari jumlah tersebut, 46,170 orang merupakan kanak-kanak yang berusia di bawah 18 tahun.

Hak asasi manusia golongan pencari suaka dan pelarian terancam. Bukan sahaja keselamatan diri mereka terkesan, bahkan mereka menghadapi risiko didiskriminasi dan menjadi mangsa eksploitasi dan pemerdagangan orang sepertimana yang berlaku di Wang Kelian, Perlis di mana lebih daripada 150 mayat warga asing ditemui, yang sebahagian besarnya merupakan golongan pelarian Rohingya.

Oleh itu, hak mereka perlu dilindungi bagi menjamin keselamatan dan kelangsungan hidup yang sewajarnya; antaranya, hak untuk mendapatkan perlindungan suaka, hak untuk tidak dihantar pulang ke negara asal apabila terdapat ancaman kepada keselamatan dan nyawa mereka, hak untuk tidak didiskriminasi serta hak kepada pendidikan khususnya kanak-kanak pelarian.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dari perspektif Islam, kita dituntut untuk memberi perlindungan kepada semua kaum tanpa mengira apa jua agama mereka. Perkara ini telah dibuktikan melalui Piagam Madinah yang dibina oleh Nabi Muhammad SAW. Piagam ini menggariskan jaminan keselamatan kepada semua penduduk Madinah termasuklah orang Yahudi selagi mana mereka taat kepada perjanjian piagam tersebut. Ini menunjukkan bahawa hak orang bukan Islam turut dilindungi. Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah, ayat 6:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ وَذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).”

Malah, perutusan Nabi Muhammad SAW di muka bumi ini adalah untuk mengajar kita tentang nilai *Rahmatan lil ‘Alamin*, satu pendekatan sejagat yang menekankan kepentingan kasih sayang bagi sekalian alam (*rahmah*) dan memelihara hubungan sesama manusia melalui teladan Rasullulah SAW seperti memelihara nyawa, melakukan kebaikan serta hormat-menghormati sesama manusia. Firman Allah SWT melalui surah al-Anbiya’, ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar mengambil kesempatan ini dengan berpesan supaya kita memainkan peranan masing-masing bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh golongan pelarian. Ini kerana Islam mengajar kita untuk berkasih sayang dan memberi perlindungan sesama manusia termasuklah mereka yang berhijrah. Sesungguhnya, ia merupakan sifat orang-orang yang beriman, sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Anfal, ayat 74:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوُوا وَنَصَرُوا أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ
حَقًّا لَهُمْ مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٧٤﴾

Bermaksud: “Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah, dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan memberi pertolongan, mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman. Mereka memperoleh ampunan dan rezeki (nikmat) yang mulia.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ
، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ

عَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوك يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَّامَةِ
الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَهُ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَّحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniaanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩١﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS
Tel : 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.